

DATO' MEOR ABDUL RAHMAN: LAGENDA SILAT GAYONG. Oleh Abdul Latip Talib. Latip Dan Keluarga Enterprise. 2021. Hlm. 446. 978-967-2234-61-6

Novel fakta ini merupakan karya sulung yang julung kalinya dikarang oleh penulis terkenal dalam industri penulisan buku tanah air iaitu Abdul Latip Talib. Bahkan kisah yang terdapat di dalam novel fakta ini diadaptasi daripada kajian yang dilakukan oleh penulis sendiri dengan bersumberkan daripada kalam yang keluar daripada susur galur Dato' Meor Abdul Rahman. Novel fakta ini berkisarkan seorang insan bernama Meor Abdul Rahman atau nama lainnya iaitu Dato' Meor Abdul Rahman Bin Daeng Uda Mohd Hashim di dalam menelusuri perjalanan mengembangkan Silat Seni Gayong. Tidak dilupakan juga perkaitan yang wujud di dalam susur galur lagenda ini yang berkait dengan beberapa orang daeng yang lain. Daeng merujuk kepada gelaran bagi golongan bangsawan Bugis (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Buku ini mempunyai 446 halaman bercetak dan dibahagikan kepada 47 bab. Bagi melancarkan penceritaan, penulis menggunakan teknik pemerian, teknik imbas kembali, monolog, monolog dalaman, monolog luaran, konflik, imbas muka, saspens dan dialog (Nik Faridah, 2005). Teknik-teknik ini digunakan untuk melancarkan plot penceritaan dan memudahkan pembaca memahami isi cerita yang hendak disampaikan. Terdapat pelbagai unsur dalam karya ini, antaranya ialah ilmu persilatan dan adab menuntut ilmu persilatan, adat dalam seni persilatan, adab antara guru dengan murid, adab menyambut tetamu, kejujuran dalam menuntut ilmu, tanggungjawab seorang ayah terhadap keluarga termasuk tanggungjawab isteri terhadap suami, tanggungjawab anak terhadap seorang ayah dan etika dalam pekerjaan.

Plot cerita buku ini disusun dengan mengikut teknik kronologi yang dimulai dengan kelahiran watak utama itu Meor Abdul Rahman dalam keadaan cuaca hujan dan guruh. Bersama-sama kelahiran tersebut adanya seekor binatang menyerupai naga. Mengikut mimpi Syarifah Aluyah Syed Zainal Idris Al-Attas, Binatang itu ialah naga kecil berchula tujuh yang diminta dilepaskan ke laut Teluk Kertang dekat Matang. Mengikut firasat orang lama, ini memberi gambaran awal bahawa bayi ini akan menjadi orang ternama apabila dewasa kelak. Bagi membuktikan bahawa watak utama ini berketurunan pahlawan, datuknya iaitu Syed Zainal Idris Al-Attas menceritakan susur galur keturunan mereka yang berkawan rapat dengan tokoh sejarah iaitu Dato' Bahaman dan Mat Kilau. Dalam sejarah perjuangan Tanah Melayu, dua orang tokoh ini merupakan pahlawan yang berani menentang penjajah British suatu ketika dahulu (Mardiana dan Hasnah, 2018). Ketika ini pengarang menggunakan teknik imbas kembali untuk mengimbas kisah sewaktu belajar ilmu silat dari Daeng Ambok Solok, di Riau. Darah pahlawan diceritakan juga oleh Uda Mohd Hashim melalui teknik imbas kembali. Susur galur keturunan Uda Mod Hashim berasal dari darah keturunan Bugis yang menggunakan gelaran Daeng. Keturunan tujuh Daeng ini berkelana sehingga sampai di Kepulauan Melayu kerana meninggalkan Makasar akibat diburu oleh penjajah Belanda. Kisah ini diimbas kembali melalui penceritaan oleh Uda kepada dua orang anak lelakinya, Meor Abdul Aziz dan Meor Abdul Rahman. Semua episod ini terdapat dalam Bab 1, Bab 3 dan Bab 3.

Plot penceritaan diteruskan Bab 4 dan Bab 5 berkaitan dengan episod Meor Abdul Rahman belajar silat atas kehendak sendiri. Ini berbeza Meor Abdul Aziz yang kurang meminati ilmu persilatan. Antara faktor lain adalah latihan terlalu keras. Setelah selesai memperelajari ilmu persilatan, Meor Abdul Rahman tidak dikhatamkan oleh datuknya, Syed Zainal Idris Al-Attas bersama-sama rakan seperjuangan yang lain. Akhirnya dalam Bab 6, Meor Abdul Rahman dikhatamkan oleh Hang Tuah sewaktu sesat di dalam hutan di Padang Sanai. Ini bermakna, Meor Abdul Rahman bertanggungjawab memelihara, mengembangkan dan memperjuangkan

Silat Seni Gayong dengan penuh kejujuran, keikhlasan tanpa mengharapkan balasan harta, pangkat dan sebagainya. Meor Abdul Rahman bertanggungjawab mengumpulkan seluruh bangsa Melayu untuk bersatu demi menuntut bela atas kejatuhan kerajaan Melayu dan seluruh Tanah Melayu. Menurut Hang Tuah, Meor Abdul Rahman merupakan orang paling gagah dan tiada orang lain boleh menewaskannya selagi dia mematuhi pantang larang yang ditetapkan. Antaranya ialah dia derhaka kepada orang tua dan hendaklah sentiasa menghormati mereka. Meor diarahkan agar pergi menyembah taat setia kepada Sultan Perak.

Plot penceritaan karya disusun mengikut usia watak Meor Abdul Rahman. Dalam Bab 7, atas cadangan Hendon iaitu kakak Meor Abdul Rahman dan mendapat persetujuan kedua ibu bapa mereka, Meor Abdul Rahman berkahwin dengan Che Kalsom binti Hj. Kechik. Selepas berkahwin, Meor Abdul Rahman berhijrah ke Singapura. Bermula dengan kerja sebagai tukang kimpal dengan menggunakan kelulusan daripada Government Trade School dan Bidin sebagai sebagai mekanik mesin. Seterusnya Meor Abdul Rahman bertukar kerja sebagai mekanik di Royal Corps of Signals. Dengan menewaskan Guru Kombat berbangsa Cina dan Hong Kong, Meor Abdul Rahman menjadi orang Melayu pertama dilantik sebagai Guru Kombat yang bertanggungjawab mengajar pegawai British di bawah Pegawai Memerintah, Leftenan Kolonel Pope dalam seni Tempur Tanpa Senjata (TTS). Dengan memiliki ilmu Silat Seni Sendi Harimau dari datuknya memberi idea kepada Meor Abdul Rahman untuk digunakan ketika mengajar.

Meor Abdul Rahman telah membawa Che Kalsom ke Singapura dan apabila kandungan berusia tujuh bulan, Che Kalsom dihantar ke kampung untuk bersalin serta berpantang. Ketika dalam perjalanan pulang, Meor Abdul Rahman singgah di rumah sepupu iaitu Nuteh Alang Abdul Rahman. Ketika ini Meor Abdul Rahman melihat anak Nuteh Alang Abdul Rahman lalu jatuh hati dan berhasrat untuk memperisterikan Paridah. Pada awalnya hasrat itu ditentang oleh kedua ibu bapa dan saudara mara. Namun, sikap kesungguhan Meor Abdul Rahman berjaya mengahwini Paridah dan dibawa ke Singapura. Selepas dua bulan, Meor Abdul Rahman telah membawa Che Kalsom, anaknya Siti Fadzillah dan Paridah tinggal bersama-sama di Singapura. Ini tertera dalam Bab 8.

Bab 9, pada 9 Disember 1941, Pengkalan Chepa dan seluruh Kota Bharu telah jatuh ke tangan Jepun. Tarikh 15 Februari 1942, Singapura jatuh ke tangan Jepun. Maka berakhir lah pemerintahan British di Tanah Melayu. Dengan keizinan dan arahan ketua, Meor Abdul Rahman membawa keluarganya keluar dari Singapura dan berdayung sampan sampai di Pulau Sudong tertera dalam Bab 10. Syarat untuk menetap di Pulau Sudong ialah mengadu kekuatan dengan Wak Kusang. Akhirnya Meor Abdul Rahman menang dan dibenarkan tinggal di Pulau Sudong. Khabar dari nelayan menyatakan bahawa tentera Jepun akan mendarat di Pulau Sudong. Untuk itu, sebagai persiapan melawan tentera Jepun, tujuh orang lelaki Pulau Sudong bersedia berguru ilmu Silat Gayong dengan Meor Abdul Rahman. Sementara itu dalam Bab 11, Meor Abdul Rahman meminta Paridah menjahitkan lakaran berupa kepala harimau dengan perkataan *wafak* pada baju seragam berwarna hitam. Masa menjahit seragam hitam itu ada masa yang telah ditetapkan. Apabila tentera Jepun datang ke Pulau Sudong dan pergi ke rumah Meor Abdul Rahman, tentera Jepun lari berterpiaran apabila melihat wajah orang tua yang hodoh. Akhirnya, tentera Jepun berjaya dikalahkan oleh penduduk Pulau Sudong. Kehebatan ilmu Silat Seni Gayong Meor Abdul Rahman menjadi bualan masyarakat Pulau Sudong. Ini menimbulkan pertanyaan dalam diri Naning. Persoalan itu terjawab apabila Naning menceritakan asal usul keturunan yang berasal dari Bugis Indonesia. Selepas dua minggu, Meor Abdul Rahman pulang ke kampung. Inilah peristiwa dalam Bab 12 dan 13.

Dalam Bab 14, terjadi peristiwa tentera Jepun mengganggu Paridah menyebabkan Meor Abdul Rahman terpaksa dipenjarakan ketika menyelamatkan Paridah. Meor Abdul Rahman dijatuhi hukuman pancung dan berlaku pertempuran semasa hendak menjalankan hukuman pancung. Kehebatan ilmu Silat Seni Gayong Meor Abdul Rahman menjadi sebab Meor Abdul Rahman dibebaskan. Sejurus selepas itu, Meor Abdul Rahman dilantik menjadi kempeitai Jepun atau polis. Meor Abdul Rahman akur demi keselamatan keluarga dan masyarakat kampung walaupun tidak dipersetujui oleh ahli keluarga. Meor Abdul Rahman ditugaskan di Taiping dan ditukar ke Kampung Selibing, Ipoh atas faktor untuk membanteras anggota Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA) yang mendapat sokongan kuat dari orang Cina menentang Jepun. Sepanjang bertugas, Meor Abdul Rahman dapat menghalang tentera Jepun mengganggu keamanan penduduk. Rashid Maidin dari MPAJA bertemu Meor Abdul Rahman memujuk menentang Jepun. Akan tetapi antara Meor Abdul Rahman dan Rashid Maidin hanya bersetuju agar anggota komunis tidak membuat onar di kampung orang Melayu.

Episod Bab 15 mengisahkan kunjungan semula Meor Abdul Rahman ke Pulau Sudong dan dilantik menjadi penghulu di pulau ini. Pulau Sudong menjadi pusat pembelajaran Silat Seni Gayong. Keahlian belajar silat bukan hanya masyarakat Pulau Sudong tetapi juga dari pulau berhampiran termasuk Pulau Terong yang berjaya menyelesaikan masalah lanun. Silat Seni Gayong berkembang sehingga Kepulauan Riau. Bab 16, Meor Abdul Rahman dilantik sebagai Ketua Polis Singapura. Akan tetapi memohon pertukaran ke Merinyu Timbangan seterusnya sebagai mata-mata risikan. 23 Disember 1947, Meor Abdul Rahman dikurnia pingat keberanian King George VI. Ini menyebabkan Silat Seni Gayong telah berkembang di Singapura. Meor Abdul Rahman bermimpin tentang moyangnya yang meminta agar mengambil anak Naning sebagai anak angkat yang dikatakan akan mengembang ilmu Silat Seni Gayong. Anak itu ditukarkan nama dari Rokiah kepada Siti Kalsom. Bab 17, Silat Seni Gayong bertapak di Singapura. Bab 18 pula, Bakar Sampah sebagai gelanggang pertama di Singapura. Manakala Bab 19, kedua anak dan kedua isteri Meor Abdul Rahman diarahkan belajar ilmu Silat Seni Gayong tanpa alasan. Ini termasuk pelakon terkenal Kasma Booty. Silat Seni Gayong disiarkan dalam masalah Bintang telah melonjakkan populariti Silat Seni Gayong di Tanah Melayu. Bab 20 mengisahkan Siti Fadzillah berusia 14 tahun telah ditabalkan sebagai Pewaris Mutlak. Bab ini juga menceritakan Meor Abdul Rahman belajar Tari Sembah Bunga Teratai dan Bunga Tanjung dari guru Pak Lang Joned. Dalam Bab 21, Silat Seni Gayong bertapak di Kedah atas kehendak Sultan Badlishah.

Bab 22 pula tentang Meor Abdul Rahman sekeluarga berpindah ke Woodlands. Manakala Bab 23, Meor Abdul Rahman berjumpa Dato' Onn Jaafar pada 1959 seperti amanat ayahanda di dalam mimpi. Gelanggang Latihan pertama didirikan di Jalan Puteri. Siti Fadzillah diterima masuk ke Union English School. Seterusnya Bab 24 tentang perjuangan 22 tahun Meor Abdul Rahman dalam Silat Seni Gayong. Dalam usia 45 tahun, Meor Abdul Rahman menubuhkan sekolah Seni Gayong Woodlands. Silat Seni Gayong telah didaftarkan di Johor Bahru atas nasihat Dato' Onn Jaafar. Bab 25 menceritakan Silat Seni Gayong terus berkembang. Manakala Bab 26, Meor Abdul Rahman bersara daripada polis. Dalam Bab 27 pula, Siti Nor Aisyah dijemput Ilahi menyebabkan emosi Meor Abdul Rahman terganggu. Hal ini kerana Siti Nor Aisyah menjadi harapan Meor Abdul Rahman untuk meneruskan legasi Silat Seni Gayong kerana mahir dalam Seni Keris dan Seni Cindai. Silat Seni Gayong telah didaftarkan di Johor atas usaha Dato' Onn Jaafar. Dalam Bab 28 ini juga mengisahkan Siti Fadzillah berkahwin dengan Hussin Bin Mohd Salleh. Lambang Silat Seni Gayong ditukar dari seekor naga kepada dua kepala naga sebagai tanda kasih sayang kepada saudaranya Meor Abdul Aziz. Selepas itu, Meor Abdul Rahman digelar Mahaguru oleh Sultan Abdul Halim Muazzam Syah dengan titah mengajar Seni Silat Gayong di seluruh negeri Kedah. Ini episod Bab 29. Pasukan Mahaguru

Meor Abdul Rahman telah bersiap sedia dengan misi komando gayong untuk sama-sama mempertahankan Malaya daripada konfrontasi Indonesia. Akan tetapi Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj akan menyelesaikan secara diplomasi. Inilah intipati Bab 30.

Hasrat Mahaguru Meor Abdul Rahman tercapai apabila Silat Seni Gayong tersebar ke Kelantan dan Terengganu. Dalam Bab 31 ini juga episod pemergian Meor Abdul Aziz satu kehilangan besar bagi Mahaguru Meor Abdul Rahman. Seni Silat Gayong dipilih mengetuai perarakan sempena Hari Kemerdekaan Malaysia ke10. Dalam Bab 32 dan 33 mengenai kehebatan ilmu persilatan yang dimiliki oleh Mahaguru Meor Abdul Rahman dan Seni Silat Gayong tersebar luar di negeri Malaysia. Peristiwa 13 Mei 1969 dihuraikan dalam Bab 34 (Tunku Abdul Rahman, 2007; Abdul Rahman, 2015) dan Bab 35 mengenai Mat Kilau masih hidup. Tarikh 20 Februari 1970, Siti Kalsom mempersempahkan Silat Seni Gayong di hadapan Putera Akihito dan Puteri Michiko di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Malaya. Bab 36 ini Mahaguru Meor Abdul Rahman Kembali semula ke Taiping dan membuka Balai Adat Istiadat Seni Silat Gayong. Pada 17 September 1971, Mahaguru Meor Abdul Rahman menerima Darjah Kebesaran Negeri Perak dengan gelaran Dato' Paduka. Keris Taming Sari digunakan dalam majlis penganugerahan. Ini episod dalam Bab 37. Mahaguru Meor Abdul Rahman pergi ke London Bersama Syed Ahmad Jamalullail. Dalam perjalanan, penerbangan singgah di Hong Kong. Ketika ini Mahaguru Meor Abdul Rahman sempat bertemu Bruce Lee yang menanti kehadirannya dengan tawaran berlakon. Akan tetapi ditolak oleh Mahaguru Meor Abdul Rahman kerana perlu berlakon kalah. Ini merendahkan maruah Seni Silat Gayong. Akhirnya pada penghujung Bab 38 ini dikhabarkan berita kematian Bruce Lee pada usia 32 tahun akibat pengambilan ubat sakit kepala berlebihan.

Seni Silat Gayong dipecah menjadi 21 biji oleh Abdul Majid Mat Isa dan Awang Daud atas arahan Mahaguru Meor Abdul Rahman. Bab 39 ini menceritakan tentang semua jurulatih telah ditauliah dengan pemakaian tali pinggang hitam mengikut kemahiran masing-masing. Dalam Bab 40, Mahaguru Meor Abdul Rahman mengajar Seni Sundang Lipas iaitu pelajaran penamat di peringkat senjata dalam Silat Seni Gayong. Ini akan diajar kepada lima orang anak Gayong yang sudah mencapai bengkung hitam. Seterusnya Bab 41 mengenai wawancara wartawan Abdul Ahmad dari majalah *Dewan Masyarakat*. Bab 42 tentang fitnah sehingga berlakunya pemecatan Abdul Majid Mat Isa, orang kanan kepada Mahaguru Meor Abdul Rahman walaupun Mahaguru Meor Abdul Rahman tahu itu adalah angkara fitnah. Seni Silat Gayong telah berpecah dua selepas pemecatan Abdul Majid Mat Isa. Seni Silat Pusaka Gayong ditubuhkan di Kedah dan Mahaguru Meor Abdul Rahman mengiktiraf pertubuhan ini. Hubungan Mahaguru Meor Abdul Rahman dan Abdul Majid kembali pulih. Siti Kalsom berkahwin dengan Ahmad Ayazi dengan restu Mahaguru Meor Abdul Rahman. Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (PERSILAT) ditubuhkan secara rasmi pada 11 Mac 1980 di Jakarta, Indonesia. Bab 45, Mahaguru Meor Abdul Rahman kehilangan isteri, Che Kalsom yang disemadikan di tanah perkuburan Air Kuning yang menempatkan pusara datuk, ayah, ibu dan abangnya. Pada 8 Ogos 1989, Mahaguru Meor Abdul Rahman menubuhkan Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia di bawah pengurusan Lembaga Waris Amanah Silat Seni Gayong Malaysia. Ahli pewaris zuriat perjuangan Silat Seni Gayong Malaysia ialah Siti Kalsom dan Ahmad bin Lazim. Mahaguru Meor Abdul Rahman juga telah menurunkan segala ilmu di tangga Tali Pinggang Hitam Harimau Pelangi Chula Sakti tingkatan 6 dan tingkatan 7 dipegang oleh beliau sendiri. Pada 23 Jun 1991, Mahaguru Meor Abdul Rahman telah meninggal dunia. Ilmu Silat Seni Gayong diperturunkan berbeza-beza setiap anak muridnya. Pasti keistimewaan ilmu tersebut diperturunkan kepada zuriat keturunannya. Kesemua ilmu tersebut perlu bercantum, kena berpadu baru dapat teguh. Inilah Bab 47, amanat terakhir dan bab yang terakhir.

Selain dari itu juga dapat diketengahkan juga bahawa sumber-sumber penceritaan yang ada di dalam buku ini juga bersumberkan daripada beberapa individu yang mempunyai pengalaman hidup secara langsung mahupun tidak langsung bersama Dato' Meor Abdul Rahman sendiri. Antaranya adalah saksi hidup yang masih ada sehingga kini iaitu Hajah Siti Fadzillah Binti Dato' Meor Abdul Rahman yang merupakan satu-satunya waris kandung bagi segala penurunan ilmu persilatan dari Dato' Meor Abdul Rahman. Tidak dilupakan juga nama-nama lain seperti Cikgu Sazali yang merupakan anak angkat kepada Dato' Meor Abdul Rahman yang sentiasa berada disisi ayah angkatnya itu. Termasuklah juga anak-anak murid kanan Dato' Meor Abdul Rahman iaitu Cikgu Majid Mat Isa dan juga Cikgu Awang Daud. Kesemua penama yang disebut itu masing-masing mempunyai perspektif dan pengalaman yang tersendiri ketika hayatnya Mahaguru Silat Seni Gayong itu masih hidup. Setiap bab itu mempunyai kesinambungannya yang tersendiri dan amat penting untuk dibaca dengan teliti agar tidak berlaku kesalahfahaman sepanjang pembacaan.

Terdapat perkataan yang tersilap ejaan iaitu pada muka surat 8, ejaan toleransi, perkataan mara yang sebetulnya ialah mata pada muka surat 136 dan pada halaman 291, ejaan bacaannya. Buku ini menggunakan bahasa yang mudah difahami dengan plot penceritaan yang saling terkait serta berurutan. Kepada peminat ilmu persilatan dan silat seni gayong termasuk kepada para pelajar yang berhasrat belajar ilmu persilatan juga amat digalakkan membaca karya ini sebelum menuntut ilmu dan masuk gelanggang. Karya ini sangat manfaat dan menjadi salah satu karya yang boleh dibaca oleh lapisan masyarakat. Hal ini kerana olahan karya ini dengan fakta sejarah tersulam dengan ilmu silat seni gayong.

Rujukan

- Abdul Rahman Ibrahim. (2015). *13 Mei 1969 di Kuala Lumpur*. Dewan Bahasa dan Pustakas.
- Mardiana Nordin dan Hasnah Hussiin. (2018). *Pengajian Malaysia Edisi Keenam*. Oxford Fajar.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2005). *Pemikiran Dan Teknik Penceritaan Dalam Novel Komponen Sastera Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu. Tesis Ijazah Doktor Falsafah*. Universiti Putra Malaysia.
- Tunku Abdul Rahman. (2007). *13 Mei 1969: Sebelum dan Selepas*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Ahmad Solihin Mohammad Fairus

Fakulti Pendidikan
Universiti Islam Selangor

Ayu Nor Azilah Mohamad

Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan
Pusat Pengajian Teras
Universiti Islam Selangor